

# Sejarah adalah imej satu bangsa itu

Satu pengajaran saja dari sejarah, manusia tak belajar daripadanya: Bangunan Parlimen mesti kekal!

Sinar Harapan 20/06/2010 11:15 AM 20

**M**anusia dengan segala kreativiti diversitinya adalah pembuat (makers) sejarah.

Sejarah atau salasilah kita berasaskan pada peristiwa yang dilalui oleh nenek-moyang kita seperti dalam *Sejarah Melayu*. Satu bangsa yang tidak menghormati riwayat / kisah bangsanya tidak dihormati oleh kawan dan lawan dan akan mengulangi kesilapan mereka terdahulu. Percayalah sejarah tidak berbohong!

Mengikut media The Putrajaya International Convention Centre (PICC) berkemungkinan menjelma sebagai Parlimen kita yang baru! Tidak waras, mengikut jurucakap kerajaan, membangun sebuah Parlimen baru kerana berbuat demikian akan menelan belanja sebanyak RM800 juta. Lazimnya angka itu akan meningkat, biasalah itu dengan projek mega. Tegas Datuk Seri Nazri Aziz, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab tentang hal ehwal Parlimen kerajaan ada tiga pilihan: mengubahsuaikan PICC sebagai bangunan tetap Parlimen (baru), menjadikannya tempat sementara semasa Parlimen di Taman Tasik direnovasi atau tinggal terus di bangunan parlimen sekarang semasa renovasi berlangsung.

Janganlah kerana PICC tidak digunakan sepenuhnya kita mahu jadikan Parlimen baru kita. Lebih wajar, lebih bijak, lebih waras kita membesarkan bangunan Parlimen yang bersejarah itu. Kawasanya besar dan indah pula dengan alam sekitar yang menarik. Apakah kerajaan sekarang mahu menghapuskan semua legasi Tunku Abdul Rahman - Tun Razak?

Saya segar dan bersyukur membaca reaksi rakyat menentang bangunan Parlimen baru. Bangunan Parlimen sekarang



penyempurna sejarah, antaranya meluluskan pembentukan Malaysia (1963), memisahkan Singapura dari Malaysia 9 Ogos 1965 sekali gus kata ramai orang mengeluarkan duri dalam daging; membincang dan meluluskan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Ibu Pejabat Mageran (Majlis Gerakan Negara) semasa Tun Razak memerintah melalui dekree selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Bangunan ini menelan belanja hanya 18 juta dolar Malaysia waktu itu (1962). Sekarang rumah beberapa bekas menteri dan menteri besar berharga lebih dari itu. Dunia amat berubah, juga Malaysia dan pemimpin-pemimpinnya!

Dalam masa *Melayu Baru* dalam proses mencari 'identiti diri' menegakkan sejarah kita yang pendek itu amat terpenting kalau kita mahu menjadi satu bangsa berjiwa besar kita mesti memelihara dan menjunjung sejarah bangsa dan negara termasuk mengekalkan bangunan Parlimen yang diinspirasi oleh Tunku dan Tun Razak.

Sejarah demokrasi kita muda, terlalu muda (bermula 1952, pilihan raya bandaran). Sebelum berpindah ke Taman Tasik Parlimen kita bersidang di Dewan Tunku Abdul Rahman di Jalan Ampang, di depan Persurujhaya Tinggi Pakistan. Sekarang Dewan Tunku Abdul Rahman adalah kompleks Pusat Pelancongan Malaysia termasuk Restoran Saloma. Satu bangunan warisan telah menjadi pejabat dan restoran! Parlimen kita bermula pada 1959.

Saya tahu benar tentang Dewan Tunku Abdul Rahman

kerana saya melaporkan Sidang Parlimen sebagai wartawan Straits Times. Saya lebih kenal lagi dengan Parlimen sekarang, diantara 1962-1974 saya mengikut Tun Razak ke setiap sidang Parlimen (waktu itu bersidang 9 bulan tiap tahun) kecuali masa Mageran. Mula-mula sebagai Pegawai Khas (1962), lepas itu sebagai setiausaha politiknya (1963-1974); pada Ogos 1974 sebagai Ahli Parlimen dan timbalan menteri hingga ditahan oleh Ghazali Shafie - Hussin Onn di bawah akta ISA selama lima tahun (1976-81) selepas Tun Razak kembali ke rahmatullah secara mengejut pada 14 Januari 1976.

Satu kenangan manis adalah pada 22 Februari 1969, Tun Razak telah memberi jamuan meraikan perkahwinan saya di Dewan Banquasi Parlimen. Jamuan perkahwinan pertama dan terakhir dibenarkan berlangsung di Parlimen!


Bangunan Parlimen sekarang tiada banyak cacatnya. Benar ia perlu diperbesarkan, dilengkapi dengan alat-alat yang canggih sesuai dengan tuntutan masa. Bangunan itu harus dipindahkan lagi dan apa salahnya belanja RM200-300 juta baginya kalau berbuat demikian kita memelihara sejarah dan warisan dan memenuhi keperluan selama 100 tahun akan datang? Sime Darby rugi RM1.6 billion kerajaan tidakpun sibuk sangat. Mahu belanja RM200 - RM300 juta untuk warisan begitu ruih rendah! Parlimen British atau The Palace of Westminster berusia lebih 900 tahun, diperbaiki apabila perlu dan keanggotaan mereka lebih seribu orang termasuk Ahli Dewan Ketuanan (House of Lords). Bangunan Capital di Washington DC berumur lebih 200 tahun terletak di tempat sama!



● Baru 48 tahun mahu diganti, tak ambil kira sejarahnya?



● Tidak berubah, di tempat sama di tebing Sungai Thames semenjak kurun ke-11 lagi!



● Tidak sesuai, bagai stadium tertutup saja!. Tiada sejarah!